

Ketum dalam but kereta

Klang: Sekatan jalan raya dilakukan polis di Bandar Seri Puteri di sini, Selasa lalu, berjaya menahan seorang lelaki yang membawa 26 bungkus daun ketum, 43 botol ubat batuk mengandungi air ketum serta 429 pil Yaba, Eramin 5 dan Ecstasy.
Ketua Polis Daerah Klang Selatan, Asisten Komisioner Alzafny Ahmad berkata, siasatan lanjut menemui 26 bungkus daun ketum seberat 28 kilogram disembunyikan di dalam but kereta.

29-07-2017

22 TUDUHAN ROGOL

■ Datuk, bapa, tiga sepupu dihadap ke mahkamah

Limbang

hmetro
29/7/17
mls 21

Lima lelaki yang mempunyai pertalian keluarga dihadapkan ke Mahkamah Majistret, di sini, semalam terhadap 22 tuduhan merogol seorang kanak-kanak perempuan bawah umur antara November dan Jun lalu.

Semua tertuduh yang didakwa merogol mangsa berusia 12 tahun itu terdiri daripada bapanya, 40, datuk, 72, dan tiga sepupu lelakinya berusia antara 16 hingga 21 tahun.

Bagi tertuduh pertama yang juga bapa mangsa, lelaki berkenaan didakwa merogol anak perempuannya sebanyak empat kali, manakala tertuduh kedua dan ketiga yang juga sepupu mangsa berusia 17 dan 21 tahun masing-masing dituduh merogol mangsa sebanyak



LIMA tertuduh kes rogol saudara kandung dibawa keluar dari Mahkamah Majstret Limbang, semalam.

tiga kali serta empat kali.

Manakala, tertuduh kelima iaitu datuk mangsa pula dituduh merogol cucunya sebanyak enam kali manakala seorang lagi sepupu mangsa dituduh merogolnya sebanyak lima kali.

Mengikut kertas pertuduhan, semua tertuduh didakwa merogol mangsa di beberapa kawasan di sebuah kampung di daerah ini antara penghujung November 2016 hingga Jun lalu.

Semua tertuduh didakwa mengikut Seksyen 376B Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara hingga 30 tahun dan se-

batan jika sabit kesalahan.

Tiada sebarang pengakuan direkodkan di hadapan Majistret Mohd Hafizi bin Abdul Halim, manakala prosiding diendalikankan Pegawai Pendakwa

Inspektor Mohamad Faris Mohamed Asri.

Mahkamah menetapkan 6 September ini sebagai tarikh sebutan semula kes, manakala semua tertuduh tidak diwakili peguam.

Difahamkan, mangsa yang masih bersekolah kini ditempatkan bersama keluarga angkat yang dilantik Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Limbang.

FAKTA
6 September tarikh sebutan semula kes